

23/09/1997

Pastikan peniaga tidak naikkan harga topeng

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna akan memastikan barangan keperluan utama, termasuk topeng muka tidak dinaikkan harga ketika keadaan jerebu sekarang ini.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata langkah itu selaras dengan kehendak mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jerebu yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Menurutnya, kementerian akan mengambil langkah proaktif bagi menghalang peniaga yang menaikkan harga dalam keadaan negara dilanda jerebu kebelakangan ini.

"Peniaga tidak sepatutnya mengambil kesempatan dalam keadaan negara dilanda jerebu, sebaliknya mereka sepatutnya bersama-sama berusaha untuk memastikan rakyat dapat hidup dengan selesa.

"Peniaga tidak berlaku adil kepada pengguna jika menaikkan harga sewenang-wenangnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Berlian Abtwerp, di sini petang ini.

Megat Junid berkata bagaimanapun pihaknya masih belum menerima aduan rasmi ada peniaga makanan atau topeng muka yang menaikkan harga.

Beliau berkata, kementerian boleh memaafkan peniaga yang menaikkan harga jika ada barangan keperluan asas yang naik kerana tidak dapat dielakkan.

"Sebagai contoh, harga ikan yang dikatakan tinggi di Sarawak ialah kerana nelayan tidak dapat turun ke laut dalam keadaan jerebu yang indeks pencemar udara (API) melebihi 500.

"Dalam keadaan ini, orang ramai perlu bersabar untuk tidak makan ikan. Apa yang kita kesalkan jika ada peniaga yang sengaja mengambil kesempatan untuk menaikkan harga tanpa mempunyai sebab munasabah," katanya.

Beliau berkata, kementeriannya ditugaskan untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan harga barangan asas tidak naik dalam keadaan negara ditimpa bencana jerebu ketika ini.

Sementara itu, Megat Junid dalam ucapannya berkata, kementerian sedang meneliti sistem sijil penjualan berlian yang digunakan di Belgium yang boleh memastikan kualiti berlian.

"Sijil itu akan meyakinkan setiap pengguna yang membeli berlian kerana mutunya dapat dijamin," katanya.

Beliau berkata, kementerian yakin dapat meningkatkan lagi industri barangan kemas dalam negara jika setiap pembelian barangan berkenaan dijamin mutunya.

Walaupun industri berlian dinegara ini masih kecil, eksport berlian kasar negara dalam tempoh enam bulan tahun lalu berjumlah RM114 juta (AS\$37.74 juta) berbanding 1995 sebanyak RM117 juta (AS\$38.68 juta).

Megat Junid berkata, setakat ini ada tiga kilang memproses berlian di negara ini iaitu di Ipoh, Arau dan Kota Bharu.

(END)